

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2008/2009

April/Mei 2009

**YKT 214 – Teknologi Komunikasi**

Masa: 3 jam

---

Kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat bercetak.

Jawab **TIGA (3)** soalan.

Setiap soalan bernilai 100 markah.

1. Mengikuti Herbert Schiller (1976:9) imperialisme budaya ialah "...keseluruhan proses di mana sebuah masyarakat diikatkan kepada sistem dunia yang moden, dan masyarakat ini dipikat, ditekan, dipaksa dan kadang-kadang disogok untuk membentuk institusi sosial mereka mengikuti ataupun mempromosikan nilai dan struktur yang terdapat di pusat dominan dalam sistem dunia moden ini."  
Sejauhmanakah proses imperialisme budaya telah berlaku dengan merujuk kepada corak pemilikan media global. Bincang beserta dengan contoh.
2. Ruang siber diwar-warkan sebagai satu arena yang memberi peluang kepada semua pihak meluahkan pendapat dan pandangan tanpa kuasa autoriter. Nilaikan kenyataan ini dengan kritis.
3. Sejauhmanakah teknologi komunikasi baru dapat membantu dalam perjuangan pergerakan wanita antarabangsa dengan mengambil kira struktur patriarki yang masih berleluasa?
4. Perubahan daripada pengeluaran berasaskan mesin kepada pengeluaran berasaskan komputer dan informasi dapat memperbaiki kehidupan kelas pekerja. Bincangkan kenyataan ini.
5. Lerner (1967) mendakwa bahawa "...dengan mengaitkan ganjaran dengan usaha dalam cara yang konsisten dan jelas, komunikasi boleh mengubah kehidupan dan seterusnya mengakibatkan pembangunan sah." Schramm (1967) mendakwa bahawa "...komunikasi mesti mengerahkan rakyat mengikat perut, bertungkus-lumus dalam pekerjaan dan menunggu ganjaran."  
Sejauhmanakah kedua-dua dakwaan bahawa pembangunan negara-negara Dunia Ketiga bergantung kepada penyerapan teknologi serta perubahan sikap rakyat di negara ini benar? Bincang dengan contoh.